

Lambakan graduan pergigian

Perkenal semula program moratorium

Hadkan pengambilan pelajar mampu atasi lambakan doktor gigi

Oleh Suzalina Halid dan Mohd Nasaruddin Parzi
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan diminta meneruskan Moratorium Program Pergigian yang dikuatkuasakan selama lima tahun berakhir 2018, yang menghadkan hanya 800 pengambilan penuntut pergigian di universiti tempatan pada setiap tahun.

Berbanding ketika ini yang menyaksikan univesti bebas menentukan bilangan penuntut, pendekatan memperkenalkan moratorium ini dikatakan mampu mengatasi isu lambakan graduan pergigian dalam negara.

Timbalan Dekan Pendidikan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Rohaya Megat Abdul Wahab, berkata pihaknya mengalu-alukan jika kerajaan dapat menyambung penguatkuasaan moratorium bersama Kementerian Pendidikan yang

berakhir tahun lalu itu.

Selain itu, beliau menyarankan agar kerajaan tidak lagi menambah pengiktirafan baharu universiti di luar negara yang menawarkan program pergigian.

"Melalui moratorium yang dilaksanakan sebelum ini, pengambilan penuntut pergigian oleh UKM adalah sekitar 50 hingga 55 pada setiap kumpulan, berbanding 90 yang dilaksanakan pada awal 2000.

"Namun, untuk tahun ini, UKM mengambil 40 penuntut tempatan; manakala 10 lagi tempat kita buka kepada penuntut antarabangsa dalam usaha memperkenalkan nama UKM pada peringkat luar.

"Penuntut antarabangsa dalam bidang pergigian ini tidak boleh berkhidmat di Malaysia, sebaliknya mereka perlu pulang ke negara masing-masing untuk berkhidmat sebagai doktor gigi," katanya kepada BH.

Beliau mengulas laporan eksklusif BH semalam, bahawa kesukaran graduan pergigian bertambah apabila mereka juga sukar mendapat tempat untuk menjalani latihan Program Pegawai Pergigian Baharu (NDOP).

Sebelum ini, tempoh menunggu setiap graduan pergigian bagi mendapat tempat latihan NDOP yang dulu dikenali sebagai Pegawai Pergigian Tahun Pertama

Eksklusif

(FYDO) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selepas tamat pengajian adalah di antara satu hingga dua bulan, tetapi kini berlarutan sehingga 18 bulan.

Kelewatan dan kesukaran mendapat tempat latihan terbabit, didakwa berpunca daripada lambakan graduan bidang pergigian sama ada dari universiti dalam negara mahupun luar negara.

Mengulas lanjut, Dr Rohaya berkata, faktor terlalu banyak fakulti pergigian di universiti awam dan swasta di negara ini dengan tiada penambahan perjawatan dalam bidang terbabit, dipercayai menyumbang kepada lambakan graduan pergigian.

"Tidak perlu lagi penambahan fakulti pergigian kerana ketika ini kita sudah ada 13 universiti tempatan (yang menawarkan program pergigian) dan ini belum dikira lagi dari luar negara.

"Jadi, memang ramailah graduan pergigian yang dikeluarkan berbanding 20 tahun lalu yang cuma ada satu atau dua fakulti sahaja," katanya.

Lama menunggu jadi doktor gigi



Keratan akhbar BH Ahad, semalam.

Beliau berpendapat, jumlah penuntut untuk memasuki bidang pergigian sememangnya ramai, namun 13 fakulti sedia sudah mencukupi.

"Apatah lagi dari segi perjawatan dalam KKM sekarang tiada penambahan dan ini juga menyebabkan proses menjalani latihan itu lambat, sekali gus menyumbang terhadap masalah ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Doktor Gigi Malaysia-Seksyen Mengenai Pegawai dan Pakar Pergigian (MDA-SCODS), Dr Muhammad Farid Nurdin, berkata sampai masanya kerajaan melaksanakan peperiksaan kelayakan profesional (PQE) seperti diamalkan di United Kingdom (UK) untuk menapis graduan luar negara sebelum berkhidmat di negara ini.

"Selain mewajibkan graduan luar negara mengambil peperiksaan khas itu, kerajaan juga di-

cadang melanjutkan tempoh moratorium kerana kerana ia memang boleh mengawal lambakan doktor gigi.

"Kerajaan juga diharap tidak memberikan pengiktirafan baharu kepada universiti luar negara bagi mengawal lambakan ini kerana kita tidak boleh halang penuntut yang ingin menyambung pengajian di negara asing," katanya.

Beliau berkata, lambakan doktor gigi berlaku apabila kerajaan mula memperkenalkan sistem lantikan kontrak bagi pengambilan graduan pergigian menjalani NDOP bermula 2017.

Katanya, daripada kumpul pertama 300 doktor gigi melalui NDOP yang akan tamat Januari ini (2020), hanya 50 peratus akan diserap kepada lantikan tetap manakala selebihnya harus mencari jalan alternatif dengan pergi kepada klinik swasta atau universiti.



Tidak perlu lagi penambahan fakulti pergigian kerana ketika ini kita sudah ada 13 universiti tempatan (yang menawarkan program pergigian).

Dr Rohaya Megat Abdul Wahab, Timbalan Dekan Pendidikan dan Inovasi UKM



Kerajaan diharap tidak memberikan pengiktirafan baharu kepada universiti luar negara bagi mengawal lambakan ini kerana kita tidak boleh halang penuntut yang ingin menyambung pengajian di negara asing.

Dr Muhammad Farid Nurdin, Pengerusi Persatuan Doktor Gigi Malaysia-Seksyen Mengenai Pegawai dan Pakar Pergigian